

الفصل الدراسي ١

1	١- السمعيات
4	٢- الملائكة
11	٣- الجن والشياطين

الفصل الدراسي ٢

16	٤- الموت
18	٥- أجل المقتول
	٦- النفخ في الصور وما يختلف في فئاته
	٧- الروح

التوحيد

Tauhid

Ting. 5

PERKARA-PERKARA GHAIB

Ilmu Tauhid ada tiga bahagian:

1. **Uluhiyat** (Ketuhanan)
2. **Nubuwwat** (Kenabian)
3. **Sam'iyat** (Perkara-perkara ghaib)

Dinamakan Sam'iyat adalah kerana cara untuk mengetahuinya hanyalah melalui al Quran dan hadis.

Kita hanya mengetahuinya dengan cara mendengar (daripada wahyu yang diturunkan kepada nabi saw) sahaja. Akal fikiran kita tidak mampu mengetahui perkara yang disebut dalam bahagian ini dan kita wajib beriman dengannya seperti malaikat, jin, roh, hari akhirat, syurga dan neraka.

Perkara ini dinamakan juga dengan *ghaibiyat* (perkara-perkara ghaib) kerana ia adalah perkara yang kita tidak nampak dan kita tidak mampu mengetahuinya.

Dimaksudkan dengan ghaib ialah perkara yang tidak dapat dikesan oleh panca indera, termasuk dalam perkara ini ialah beriman dengan kewujudan Allah swt, beriman dengan malaikat dan jin. Al Quran menggunakan perkataan *ghaib* pada maksud ini.

Perkara ghaib itu lebih umum daripada perkara sam'iyat, kerana perkara ghaib itu adalah seperti berikut:

1. Perkara yang menunjukkan bahawa mengetahuinya adalah dengan cara mendengar (dari al Quran & hadis). Perkara ini dinamakan sam'iyat.
2. Perkara ghaib adalah ditunjukkan dengan cara mendengar (dari al Quran & hadis) dan manusia dituntut menggunakan akal untuk mengkajinya sehingga mengetahuinya seperti mensabitkan zat Allah swt.
3. Perkara ghaib itu Allah swt meletakkan sebab-sebabnya di dunia ini dan menuntut cerdik pandai mengkajinya seperti penemuan ilmiah.
4. Perkara ghaib berbentuk masa seperti berita tentang umat terdahulu berupa peristiwa yang berlaku di masa lampau yang begitu jauh atau peristiwa akan datang yang belum lagi ditemui oleh manusia.

السمعيات

- أقسام علم التوحيد ثلاثة: (الإلهيات - النبوات - السمعيات)
- * سميت بالسمعيات؛ لأنها لا طريق لمعرفة إلا الكتاب والسنة
- * والأصل في وصولها إلينا السماع فقط، فلا دخل للعقل في الوصول إلى ما يذكر في هذا القسم، ويجب الإيمان به كالملائكة والجن والأرواح واليوم الآخر والجنة والنار،
- * أما تسميتها بالغيبيات فلأنها أمور غائبة عنا، ولا نستطيع أن نصل للعلم بها.
- * قد يقصد بالغيب كل ما كان غائبا عن الحس، وعلى ذلك يدخل فيه الإيمان بوجود الله تعالى، والإيمان بالملائكة، والجن، وقد استعمل القرآن لفظ الغيب في هذا المعنى.
- * الغيب أعم من السمعيات، لأن من الغيب ما يلي:
- ١- ما دل عليه السمع، وهو ما يسمى بالسمعيات.
- ٢- غيب أشار إليه السمع، ويطلب الإنسان باستخدام العقل للنظر فيه، حتى يتعرف عليه كإثبات ذات الله تعالى.
- ٣- غيب وضع الله عز وجل أسبابه في الأرض، وطالب العقلاء أن يبحثوا عنها، كالاكتشافات العلمية.
- ٤- غيب زماني من أخبار الأمم السابقة فعل ما كان في الماضي البعيد أو المستقبل الذي لم يصل إليه الإنسان بعد.

5. Perkara ghaib berbentuk tempat berupa peristiwa yang diberitahu oleh Allah swt yang berlaku di bumi atau di langit yang belum lagi ditemui oleh manusia.
6. Perkara ghaib yang kekal pada ilmu Allah swt dan rahsianya hanya diketahui olehNya sahaja. Ini dijelaskan pada firman Allah swt: *“Dan pada sisi Allah jualah anak kunci perbendaharaan segala yang ghaib, tiada sesiapa yang mengetahuinya melainkan Dialah sahaja dan Dia mengetahui apa yang ada di darat dan di laut dan tidak gugur sehelai daun pun melainkan Dia mengetahuinya, dan tidak gugur sebutir bijipun dalam kegelapan bumi dan tidak gugur yang basah dan yang kering, melainkan (semuanya) ada tertulis di dalam Kitab (Luh Mahfuz) yang terang nyata”.* (al An’am : 59)

* Sam’iyat itu lebih khusus daripada ghaibiyat. Boleh juga dikatakan setiap perkara sam’iyat itu adalah ghaibiyat dan bukanlah setiap perkara ghaibiyat itu sebagai sam’iyat.

* Sam’iyat tidak dapat diketahui kecuali melalui nas yang sahih sama ada al Quran atau hadis. Tidak boleh berijtihad tentangnya kecuali dalam skop meneliti nas dan memahaminya dengan pemahaman yang betul mengikut kaedah berfikir dan cara mengeluarkan dalilnya.

٥- غيب مكاني فعل ما أخبر الله عن وقوعه في الأرض أو السماء مما لم يصل إليه الإنسان.

٦- غيب بقي في علم الله وسر من أسراره لا يعلمه أحد إلا هو، وهو المشار إليه في قوله تعالى: ﴿وَعِنْدَهُ مَفَاتِحُ الْغَيْبِ لَا يَعْلَمُهَا إِلَّا هُوَ وَيَعْلَمُ مَا فِي الْبُرِّ وَالْبَحْرِ وَمَا تَسْقُطُ مِنْ وَرَقَةٍ إِلَّا يَعْلَمُهَا وَلَا حَبَّةٌ فِي ظُلُمَاتِ الْأَرْضِ وَلَا رَطْبٌ وَلَا يَابِسٌ إِلَّا فِي كِتَابٍ مُبِينٍ﴾^١

* السمعيات أخص من الغيبيات، ويصح القول إن كل أمر سمعي غيب، وليس كل غيب أمراً سمعياً.

* السمعيات لا سبيل إلى العلم بها إلا النص الصحيح قرآناً كان أو سنة، ولا مجال للاجتهاد فيها إلا في دائرة تحقيق النص وفهمه الفهم السوي في إطار ضوابط الفكر والاستدلال.

^١ سورة الأنعام : ٥٩

Perbahasan perkara sam'iyat

Imam al Ghazali menyataka perkara sam'iyat itu adalah:

1. Adanya perhimpunan di padang Mahsyar
2. Dibangkitkan semula selepas kematian
3. Soal Munkar dan Nakir
4. Azab kubur
5. Neraca
6. Titian (Sirat)
7. Penciptaan syurga dan neraka
8. Hukum hakam berkaitan ketua negara
9. Sahabat nabi saw yang paling baik mengikut turutan menjadi khalifah.
10. Syarat-syarat menjadi ketua negara

الإجابة:

قضايا السمعيات

* جعلها الإمام الغزالي عشرة أمور هي:

- | | |
|-------------------|---|
| (٢) النشر | (١) إثبات الحشر |
| (٤) عذاب القبر | (٣) سؤال منكر ونكير |
| (٦) الصراط | (٥) الميزان |
| (٨) أحكام الإمامة | (٧) خلق الجنة والنار |
| | (٩) أفضل الصحابة على حسب ترتيبهم في الخلافة |
| | (١٠) شروط الإمامة. |

المناقشة:

- ١- عرف السمعيات، وما حكم الإيمان بها؟
- ٢- الغيب أعم من السمعيات. وضح ذلك.
- ٣- أكمل:

- سميت السمعيات بذلك؟ لأنها
- سميت الغيبيات بذلك؟ لأنها
- القضايا السمعية عشرة، هي

MALAIKAT

Beriman dengan malaikat adalah salah satu daripada rukun iman

Dari segi syarak setiap mukallaf wajib beriman dengan malaikat bahawa mereka adalah wujud dan dimuliakan dan tidak menderhakai Allah swt segala apa yang diperintahkan dan mereka melaksanakan apa yang diperintahkan Allah swt.

Dalil kewujudan malaikat dan kewajipan beriman dengan mereka

Firman Allah swt: “*Rasulullah telah beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya dari Tuhannya dan juga orang-orang yang beriman; semuanya beriman kepada Allah dan Malaikat-malaikatNya dan Kitab-kitabNya dan Rasul-rasulNya. (Mereka berkata:) Kami tidak membezakan antara seorang dengan yang lain Rasul-rasulNya. Mereka berkata lagi: Kami dengar dan kami taat (kami pohonkan) keampunanMu wahai Tuhan kami dan kepadaMu jualah tempat kembali*”.

(al Baqarah : 285)

Firman Allah swt: “*dan sesiapa yang kufur ingkar kepada Allah dan Malaikat-malaikatNya, dan Kitab-kitabNya dan Rasul-rasulNya dan juga Hari Akhirat, maka sesungguhnya dia telah sesat dengan kesesatan yang amat jauh*”.

(an Nisa' : 136)

Wajib beriman secara khusus dengan malaikat yang disebut nama-nama mereka atau sifat-sifat mereka atau kumpulan-kumpulan mereka secara terperinci, dan wajib beriman secara umum dengan malaikat yang disebut secara umum.

Pengertian malaikat

Malaikat dari sudut **bahasa**: adalah kata jamak bagi (مَلَكٌ). Asal perkataanya ialah (مَأَلَكٌ) daripada (الألوك) yang bermaksud risalah. Setiap malaikat ada risalah yang akan dibawanya, kerana itulah dinamakan sedemikian.

Dari sudut **istilah**: Malaikat adalah jisim lembut bercahaya yang mampu menjelma dengan pelbagai bentuk yang baik. Keadaannya sentiasa taat (kepada perintah Allah). Tempat tinggalnya kebiasaannya di langit dan sebahagian mereka tinggal di bumi. Para rasul melihat mereka dan bentuk asalnya dan ketika lain dalam bentuk yang lain pula.

① الملائكة

الإيمان بالملائكة أحد أركان الإيمان

يجب على كل مكلف شرعا الإيمان بالملائكة، بأنهم موجودون، وبأنهم مكرمون لا يعصون الله ما أمرهم ويفعلون ما يؤمرون.

الدليل على وجودهم ووجوب الإيمان بهم:

قال الله تعالى: ﴿آمَنَ الرَّسُولُ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ وَالْمُؤْمِنُونَ كُلٌّ آمَنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِنْ رُسُلِهِ وَقَالُوا سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا غُفْرَانَكَ رَبَّنَا وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ﴾^٢

قال الله تعالى: ﴿وَمَنْ يَكْفُرْ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا بَعِيدًا﴾^٣

يجب الإيمان بالملائكة الذين وردت أسماءهم، أو أوصافهم، أو أصنافهم على التفصيل تفصيلا، وما ورد ذكرهم إجمالا فيكون الإيمان بهم إجمالا.

تعريف الملائكة :

الملائكة في اللغة: جمع مَلَكٌ، وأصله مألك من الألوك/الألوكة بمعنى الرسالة فكان للملك رسالة يحملها لهذا سمي بهذا الاسم.

اصطلاحا: هم أجسام لطيفة نورانية قادرة على التشكل بأشكال مختلفة في أشكال حسنة، شأنها الطاعة ومسكنها السماوات غالبا، ومنهم من يسكن الأرض، وكان الرسل - عليهم السلام - يرونهم تارة على صورتهم الحقيقية، وتارة بأشكال أخرى.

^٢ سورة البقرة : ٢٨٥

^٣ سورة النساء : ١٣٦

Malaikat terpelihara daripada melakukan dosa dan dalilnya:

Malaikat terpelihara daripada melakukan dosa :

Firman Allah swt: *“mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkanNya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan”*.

Firman Allah swt: *“Mereka beribadat malam dan siang, dengan tidak berhenti-henti”*.

Firman Allah swt: *“Dan bagi Allah jualah tunduk sujud apa yang ada di langit dan yang ada di bumi, dari makhluk-makhluk yang bergerak serta malaikat; sedang mereka (malaikat-malaikat itu) tidak berlaku sombong takbur (daripada beribadat dan sujud kepadaNya). (49) Mereka takut kepada Tuhan mereka yang mengatasi mereka (dengan kekuasaanNya), serta mereka mengerjakan apa yang diperintahkan (50)”*.

Perbezaan sifat *ismah* para malaikat dan *ismah* para nabi

- Para malaikat tiada keinginan kepada maksiat, kerana tidak ada syahwat dalam jasad mereka
- Para nabi boleh menerima maksiat dengan sebab kejadian mereka, namun Allah swt menjaga mereka dan menjauhkan mereka daripada maksiat.
- sifat *ismah* (terpelihara daripada melakukan dosa) ini adalah wajib bagi para nabi dan malaikat.

Penciptaan Malaikat

Malaikat adalah antara makhluk ciptaan Allah swt yang diciptakannya dari cahaya.

Rasulullah saw bersabda: *“Diciptakan Malaikat daripada cahaya, diciptakan jin daripada pucuk api yang menyala dan diciptakan Adam daripada sesuatu yang telah diterangkan kepada kamu (iaitu daripada pati tanah)”*.

عصمتهم، والدليل عليها

الملائكة معصومون محفوظون من الذنب:

قال الله تعالى: ﴿لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ﴾^٤

قال الله تعالى: ﴿يُسَبِّحُونَ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ لَا يَفْتُرُونَ﴾^٥

قال الله تعالى: ﴿وَلِلَّهِ يَسْجُدُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مِنْ دَابَّةٍ وَالْمَلَائِكَةُ وَهُمْ لَا

يَسْتَكْبِرُونَ (٤٩) يَخَافُونَ رَبَّهُمْ مِنْ فَوْقِهِمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ﴾^٦

الفرق بين عصمة الملائكة وعصمة الأنبياء:

- الملائكة ليس عندهم نزوع إلى المعصية، لعدم وجود الشهوة في تركيبهم،
- الأنبياء عندهم القابلية للمعصية بفطرتهم، ولكن الله يحفظهم ويجول بينهم وبين المعصية؛
- العصمة واجبة للأنبياء وللملائكة

خلق الملائكة :

الملائكة من مخلوقات الله تعالى، خلقها من نور،

قال رسول الله ﷺ : خلقت الملائكة من نور، وخلق الجان من مارج من نار، وخلق آدم مما

وصف لكم^٧

^٤ سورة التحريم : ٦

^٥ سورة الأنبياء : ٢٠

^٦ سورة النحل : ٤٩ - ٥٠

^٧ أخرجه مسلم

Kategori Malaikat:

Dinyatakan bahawa malaikat itu mempunyai berbagai jenis kumpulannya – mengikut – tugas yang diberikan kepada mereka. Antara nas yang menyatakan jenis kumpulan malaikat ini adalah seperti berikut:

Malaikat yang menjaga dan mencatat

- 1- **al Hafazah** (malaikat yang menjaga): Allah swt berikan kepada satu kumpulan daripada malaikat untuk menjaga makhluk-makhlukNya. Mereka menjaga makhluk ini daripada kemudaratan. **al Hafazah** ini untuk manusia sahaja. Pendapat lain mengatakan: Jin juga terdapat malaikat hafazah seperti manusia juga.

Firman Allah swt: *“Bagi tiap-tiap seorang ada malaikat penjaganya silih berganti dari hadapannya dan dari belakangnya, yang mengawas dan menjaganya (dari sesuatu bahaya) dengan perintah Allah”*

- 2- Rasulullah saw bersabda: *“Para malaikat akan menjaga kamu di waktu malam dan waktu siang”*.
 - Sebahagian ulama berpendapat: malaikat Hafazah itu adalah malaikat Katabah bersandarkan dalil, Firman Allah swt: *“Padahal sesungguhnya, ada malaikat-malaikat yang menjaga dan mengawas segala bawaan kamu [10] (Mereka adalah makhluk) yang mulia (di sisi Allah), lagi ditugaskan menulis (amal-amal kamu) [11] Mereka mengetahui apa yang kamu lakukan [12]”*
 - Sebahagian ulama lagi berpendapat: Malaikat Katabah ada jenis yang lain iaitu malaikat Hafazah. Pendapat ini (malaikat Hafazah berbeza dengan mliakat Katabah) dikuatkan dengan ayat pertama yang menerangkan tugas malaikat Hafazah.

Malaikat Hafazah tidak akan berpisah dengan manusia selama-lamanya.

Malaikat Katabah, mereka akan meninggalkan manusia ketika tiga keadaan: ketika membuang air kecil/besar, ketika bersetubuh dan ketika mandi.

Hadis nabi saw: *“Janganlah kamu menanggalkan seluruh pakaian kamu, kerana bersama kamu ada malaikat yang mendampingi kamu dan tidak pernah meninggalkan kamu kecuali ketika kamu membuang air besar, ketika suami bergaul dengan isterinya. Oleh itu malulah kepada mereka dan hormatilah mereka”*.

أصناف الملائكة :

ورد أن الملائكة أصناف مختلفة-حسب- ما يوكل إليهم من أعمال، ومما أثبتته النصوص من أصناف الملائكة ما يلي:

الحافظون والكتابتون

١. الحفظة: عهد الله إلى فريق من ملائكته أن يكونوا حفظة خلقه يحفظونهم من المضار،

الحفظة : لأفراد الإنس خاصة، وقيل : إن للجن حفظة كذلك،

يقول – سبحانه- : ﴿ لَهُ مُعَقِّبَاتٌ مِّنْ بَيْنِ يَدَيْهِ وَمِنْ خَلْفِهِ يَحْفَظُونَهُ مِنْ أَمْرِ اللَّهِ ﴾^٨

٢. يقول رسول الله ﷺ : يتعاقبون فيكم ملائكة بالليل وملائكة بالنهار^٩

- يرى بعض العلماء: أن الحفاظ هم الكُتَّاب مستدلين بقوله سبحانه: ﴿ وَإِنَّ عَلَيْكُمْ

حَافِظِينَ * كِرَامًا كَاتِبِينَ * يَعْلَمُونَ مَا تَفْعَلُونَ ﴾^{١٠}

- يرى البعض: أن (الكتابتين) صنف آخر. وهم الحفظة. ويؤيد هذا الرأي القائل إن

الحفظة غير الكتابة الآية الأولى التي بينت مهمة الحافظين

الحفظة : لا يفارقون العبد أبداً،

الكتابة : إنهم يفارقونه عند ثلاث حالات: عند قضاء الحاجة، وعند الجماع، وعند الغسل،

حديث النبي : إياكم والتعري فإن معكم من لا يفارقكم إلا عند الغائط، وحين يفضي الرجل

إلى أهله، فاستحيوا منهم وأكرمواهم^{١١}

^٨ سورة الرعد : ١١

^٩ متفق عليه

^{١٠} سورة الانفطار : ١٠ - ١٢

^{١١} أخرجه الترمذي

- Namun Allah menjadikan untuk mereka tanda apa yang lahir dari manusia itu ketika dalam ketiga-tiga keadaan itu, lalu mereka mencatatnya.

- Mereka tidak akan berpisah daripada manusia selain daripada ketiga-tiga keadaan itu sehingga walaupun di rumah seseorang itu ada loceng, anjing atau gambar.

* Hadis yang menyatakan malaikat tidak akan masuk ke rumah yang mempunyai loceng, anjing atau gambar. Maksud di sini ialah malaikat rahmat.

Bilangan malaikat Hafazah: 10 malaikat bagi setiap orang pada waktu malam dan seumpamanya juga pada waktu siang.

Pendapat lain mengatakan: 20 malaikat. Pendapat lain pula mengatakan lain daripada itu.

Allah swt memelihara hambanya: adalah sebahagian daripada qada' mu'allaq, manakala qada' mubram, ia perlu dilaksanakan maka malaikat akan menjauhkan diri daripadanya sehinggalah ianya terlaksana.

3. **Malaikat Katabah:** di sini adalah kumpulan malaikat yang lain. Allah swt menyuruh supaya mencatat setiap apa yang lahir daripada hambanya.

- **Malaikat Katabah** ialah dua malaikat, salah satunya adalah Raqib (menjaga) dan satu lagi adalah 'Atid (ada bersama).

Firman Allah swt : *"Tidak ada sebarang perkataan yang dilafazkannya (atau perbuatan yang dilakukannya) melainkan ada di sisinya malaikat pengawas yang sentiasa sedia (menerima dan menulisnya)".*

- kedua-dua malaikat ini akan mencatat setiap perkara sehinggalah suara renggetan yang lahir daripada kesakitan. Kedua-dua malaikat ini tidak akan berubah selagi seseorang itu masih hidup.

- Apabila ia mati, kedua-dua malaikat akan berdiri di kuburnya bertasbih dan mencatat pahalanya sehingga hari kiamat sekiranya ia seorang yang beriman. Sebaliknya kedua-dua malaikat ini akan melaknatnya sehingga hari kiamat sekiranya ia seorang kafir.

- يجعل الله لهم علامة على ما يصدر من العبد في هذه الحالات فيكتبونه،

- لا يفارقونه في غير هذه الحالات الثلاث حتى ولو كان في بيته جرس، أو كلب، أو صورة،

* أما الحديث : أن الملائكة لا تدخل بيتا فيه جرس، أو كلب، أو صورة، - فالمقصود ملائكة الرحمة.

- عدد الحفظة: لكل فرد عشر بالليل ومثلهم بالنهار، وقيل : عشرون، وقيل غير ذلك،

- حفظ الله للعبد : من القضاء المعلق، أما القضاء المبرم، فلا بد عن إنفاذه، فيتنحون عنه حتى ينفذ.

٣- الكتبة: هنا فريق آخر من الملائكة وكلم الله تعالى بكتابة كل ما يصدر عن العبد،

- الكتبة ملكان، كل منهما رقيب أي حافظ، وعتيد أي: حاضر،

- يقول سبحانه: ﴿مَا يَلْفُظُ مِنْ قَوْلٍ إِلَّا لَدَيْهِ رَقِيبٌ عَتِيدٌ﴾^{١٢}

- يكتبان كل شيء حتى الأنين الصادر منه في المرض، وهما لا يتغيران ما دام حيا،

- إذا مات يقومان على قبره يسبحان ويكتمان ثوابه إلى يوم القيامة إن كان مؤمنا، ويلعنانه إلى يوم القيامة إن كان كافرا.

^{١٢} سورة ق: ١٨

Hikmah Mencatat (amalan hamba Allah swt)

Mencatat (amalan hamba Allah swt) bukanlah diperlukan kerana Allah swt mengetahui perkara yang tersembunyi daripada pandangan mata dan apa yang terpendam dalam hati. Sesungguhnya dicatatkan (amalan hamba Allah swt) adalah untuk menjadi bukti terhadap hamba-hamba Allah swt pada hari diberikan setiap orang buku catatannya.

Firman Allah swt: *“mengapa kitab ini demikian keadaannya? Ia tidak meninggalkan yang kecil atau yang besar, melainkan semua dihitungnya dan mereka dapati segala yang mereka kerjakan itu sedia (tertulis di dalamnya) dan (ingatlah) Tuhanmu tidak berlaku zalim kepada seseorangpun”*.

Semoga mereka akan malu dari melakukan maksiat apabila mereka mengetahui perkata tersebut akan dicatatkan.

Terdapat dalam hadis: Salah satu daripada dua malaikat itu berada di sebelah kanan seseorang. Ianya dikhususkan mencatat kebaikan dan satu lagi di sebelah kiri, ianya dikhususkan mencatat kejahatan.

Terdapat dalam hadis: Malaikat pertama adalah ketua bagi malaikat kedua. Apabila seseorang hamba Allah itu melakukan kebaikan malaikat sebelah kanan segera mencatatnya. Apabila ia melakukan kejahatan, malaikat sebelah kiri berkata: Adakah dicatat sekarang?. Malaikat sebelah kanan berkata: Jangan, mungkin ia akan memohon keampunan daripada Allah swt atau bertaubat. Apabila berlalu masa dan ianya tidak bertaubat. Malaikat tersebut berkata: Catatlah semoga Allah memberi kerehatan kepada kita daripada perkara tersebut. Manakala perkara harus, ada pendapat mengatakan: ianya dicatat da nada yang mengatakan: ianya tidak dicatat. Pendapat yang lebih tepat adalah pendapat pertama, kerana berdasarkan maksud umum firman Allah swt: *“Tidak ada sebarang perkataan yang dilafazkannya (atau perbuatan yang dilakukannya) melainkan ada di sisinya malaikat pengawas yang sentiasa sedia (menerima dan menuliskan)”*.

- Kedua-dua malaikat ini akan sentiasa bersama seseorang semenjak dari titisan air mani sehinggalah ianya mati.

Pendapat lain mengatakan: akan datang kepada seseorang itu 4 malaikat – 2 malaikat di waktu siang dan 2 malaikat di waktu malam. mereka akan bergilir ketika solat Asar dan solat Subuh.

الحكمة من الكتابة

ليست الكتابة لحاجة دعت إليها، فإنه - سبحانه - يعلم خائنة الأعين وما تخفي الصدور، وإنما ليقيم الحجة على العبيد يوم يعطي كل منهم كتابه
يقول سبحانه: ﴿مَالِ هَذَا الْكِتَابِ لَا يُعَادِرُ صَغِيرَةً وَلَا كَبِيرَةً إِلَّا أَحْصَاهَا وَوَجَدُوا مَا عَمِلُوا حَاضِرًا وَلَا يَظْلِمُ رَبُّكَ أَحَدًا﴾^{١٣}

فلعلمهم يستحيون من المعصية إذا علموا أنها ستكتب

- ورد أن أحد الملكين عن يمين العبد، وهو مختص بكتابة الحسنات، والآخر عن يساره، وهو مختص بالسيئات،

- ورد أن الأول أمير على الثاني، فإذا فعل العبد حسنة بادر ملك اليمين لكتابتها، إذا فعل سيئة قال ملك اليسار: أأكتب؟ فيقول ملك اليمين: لا لعله يستغفر، أو يتوب، فإذا مضت فترة ولم يتب، قال: اكتب أراحناً الله منه، أما المباحات فقليل: تكتب، وقيل: لا، والأصح الأول، لعموم قوله تعالى: ﴿مَا يَلْفِظُ مِنْ قَوْلٍ إِلَّا لَدَيْهِ رَقِيبٌ عَتِيدٌ﴾^{١٤}

- هما يلازمان الشخص منذ كونه نطفة إلى أن يموت،

وقيل: يتوارد عليه أربعة اثنان نهاراً واثنان ليلاً، يتعاقبون عند صلاة العصر وعند صلاة الصبح

^{١٣} سورة الكهف: ٤٩
^{١٤} سورة ق: ١٨

Antara Kategori Malaikat:

1. **Malaikat memikul 'Arasy Allah swt:** Firman Allah swt: “Sedang malaikat-malaikat (ditempatkan) mengawal segala penjurunya dan Arasy Tuhanmu pada saat itu dipikul oleh lapan malaikat di atas malaikat-malaikat yang mengawal itu” (AL Haqah : 17)

2. **Malaikat penjaga syurga:** Firman Allah swt: “Dan orang-orang yang bertakwa kepada Tuhan mereka akan dibawa ke Syurga dengan berpasuk-pasukan, sehingga apabila mereka sampai ke Syurga yang pintu-pintunya sedia terbuka dan penjaga-penjaganya mengalu-alukan mereka dengan kata-kata: Salam sejahtera kepada kamu, berbahagialah kamu, maka silalah masuk ke dalam Syurga ini dengan keadaan tinggal kekal di dalamnya (mereka pun masuk)” (az Zumar : 73)

3. **Malaikat penjaga neraka :** Firman Allah swt: “Disebabkan kekufurannya itu) Aku akan masukkan dia ke dalam Neraka Saqar.(26) Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui kedahsyatan Neraka Saqar itu? (27) Ia membakar mangsanya dengan tidak meninggalkan sisa dan tidak membiarkannya (binasa terus) (28) Ia terus-menerus membakar kulit manusia! (29) Pengawal dan penjaganya adalah sembilan belas (malaikat).(30)” (al Mudathir : 26-30)

4. **Malaikat mengambil nyawa:** Firman Allah swt: “Dan (amatlah ngerinya) kalau engkau melihat (wahai orang yang memandang), ketika malaikat mengambil nyawa orang-orang kafir dengan memukul muka dan belakang mereka (sambil berkata): Rasalah kamu azab seksa Neraka yang membakar” (al Anfal: 50)

SIFAT MALAIKAT

Malaikat mempunyai banyak sifat, antaranya:

1. **Mengabdikan diri kepada Allah swt:** Firman Allah swt: “Dan mereka (yang musyrik) berkata: (Allah) Ar-Rahman mempunyai anak. Maha Sucilah Ia. Bahkan (mereka yang dikatakan menjadi anak Allah itu) ialah hamba-hambanya yang dimuliakan (26) Mereka tidak mendahuluiNya dengan perkataan dan mereka pula mengerjakan apa yang diperintahkanNya (27) Allah mengetahui apa yang di hadapan mereka (yang telah mereka lakukan) dan apa yang di belakang mereka (yang akan mereka lakukan) dan mereka tidak memohon syafaat melainkan bagi sesiapa yang diredai Allah dan mereka pula sentiasa cemas takut daripada ditimpa azabNya” (al Anbiya' : 26 – 28)

2. **Sentiasa mematuhi segala perintah Allah swt:** Firman Allah swt: “mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkanNya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan”. (at Tahrim : 6)

من أصنافهم

١. حملة العرش: قال تعالى: ﴿وَالْمَلَكُ عَلَى أَرْجَائِهَا وَيَحْمِلُ عَرْشَ رَبِّكَ فَوْقَهُمْ يَوْمَئِذٍ

تَمَانِيَةً﴾^{١٥}

٢. خزنة الجنة: قال تعالى: ﴿وَسِيقَ الَّذِينَ اتَّقَوْا رَبَّهُمْ إِلَى الْجَنَّةِ زُمَرًا حَتَّى إِذَا جَاءُوهَا

وَفُتِحَتْ أَبْوَابُهَا وَقَالَ لَهُمْ خَزَنَتُهَا سَلَامٌ عَلَيْكُمْ طِبْتُمْ فَادْخُلُوهَا خَالِدِينَ﴾^{١٦}

٣. خزنة جهنم: قال تعالى: ﴿سَأُصَلِّبُ سَفَرًا * وَمَا أَدْرَاكَ مَا سَفَرًا * لَا تُبْقِي وَلَا تَذَرُ *

لَوَاحِةً لِّلْبَشَرِ * عَلَيْهَا تِسْعَةَ عَشَرَ﴾^{١٧}

٤. ملائكة الموت: قال تعالى ﴿وَلَوْ تَرَى إِذْ يَتَوَفَّى الَّذِينَ كَفَرُوا الْمَلَائِكَةُ يَضْرِبُونَ وُجُوهَهُمْ

وَأَذْبَارَهُمْ وَذُوقُوا عَذَابَ الْحَرِيقِ﴾^{١٨}

صفاتهم:

للملائكة صفات كثيرة، منها:

١. العبودية لله تعالى - ، قال سبحانه: ﴿وَقَالُوا اتَّخَذَ الرَّحْمَنُ وَلَدًا سُبْحَانَهُ بَلْ عِبَادٌ مُّكْرَمُونَ

* لَا يَسْبِقُونَهُ بِالْقَوْلِ وَهُمْ بِأَمْرِهِ يَعْمَلُونَ * يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يَشْفَعُونَ إِلَّا

لِمَنْ ارْتَضَى وَهُمْ مِنْ خَشِيَّتِهِ مُشْفِقُونَ﴾^{١٩}

٢. الالتزام بأوامر الله تعالى: ﴿لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ﴾^{٢٠}

^{١٥} سورة الحاقة : ١٧

^{١٦} سورة الزمر : ٧٣

^{١٧} سورة المدثر : ٢٦ - ٣٠

^{١٨} سورة الأنفال : ٥٠

^{١٩} سورة الأنبياء : ٢٦ - ٢٨

^{٢٠} سورة التحريم : ٦

3. **Mampu menjelma dalam bentuk-bentuk yang baik.** Terdapat dalam hadis bahawa malaikat Jibril a.s datang menemui nabi saw dalam rupa seorang lelaki yang terlalu putih pakaiannya dan terlalu hitam rambutnya.

4. **Mereka tidak makan dan minum, mereka hanya dicipta untuk beribadat di dunia dan akhirat.**

Firman Allah swt: “Kemudian dia masuk mendapatkan Ahli rumahnya serta dibawanya keluar seekor anak lembu gemuk (yang dipanggang) [26]) Lalu dihidangkannya kepada mereka sambil berkata: Silalah makan [27] (Setelah dilihatnya mereka tidak menjamah makanan itu), maka dia merasa takut dari keadaan mereka. (Melihat kecemasannya), mereka berkata: Janganlah engkau takut (wahai Ibrahim). Lalu mereka memberikan berita gembira kepadanya, bahawa dia akan beroleh seorang anak yang berpengetahuan [28]”
(az Zariat : 26 – 28)

5. **Mereka bukan jenis lelaki atau perempuan:** Orang yang menyifatkan mereka sebagai jenis lelaki adalah fasik dan orang yang menyifatkan mereka sebagai jenis perempuan adalah kafir, kerana pendustaannya.

Firman Allah swt: “Sesungguhnya orang-orang yang tidak beriman kepada hari akhirat sahalalah, yang tergamak menamakan malaikat itu dengan nama perempuan”.

(an Najm : 27)

Firman Allah swt: “Dan mereka pula menyifatkan malaikat yang juga menjadi hamba-hamba Allah Yang Maha Pemurah itu jenis perempuan. Adakah mereka menyaksikan kejadian malaikat itu? Akan dituliskan kata-kata mereka (yang dusta itu) dan mereka akan ditanya kelak (serta akan menerima balasannya)”.

(az Zukhruf : 19)

6. **Mereka tidak mempunyai hawa nafsu,** oleh itu mereka tidak terjerumus dalam kemaksiatan.

7. **Mereka adalah tentera Allah swt,** Firman Allah swt: “dan tiada yang mengetahui tentera Tuhanmu melainkan Dialah sahaja”.

(al Mudathir : 31)

Hukum mengingkari kewujudan malaikat:

Al Quran, hadis dan sepakat ulama menunjukkan adanya malaikat. Orang yang tidak mempercayai kewujudan mereka adalah kafir.

٣. القدرة على التشكل بأشكالٍ حسنة، فقد ورد أن جبريل أتى النبي في صورة رجل شديد بياض الثياب، شديد سواد الشعر.

٤. لا يأكلون ولا يشربون؛ وإنما خلقوا للعبادة في الدنيا والآخرة. قال تعالى: ﴿فَرَأَى إِلَىٰ أَهْلِهِ فَجَاءَ بِعِجْلٍ سَمِينٍ * فَقَرَّبَهُ إِلَيْهِمْ قَالَ أَلَا تَأْكُلُونَ * فَأَوْجَسَ مِنْهُمْ خِيفَةً قَالُوا لَا تَحْزَنْ وَبَشِّرُوهُ بَعْلَامٍ عَلِيمٍ﴾^{٢١}

٥. ليسوا ذكورا ولا إناثًا، ومن وصفهم بالذكورة فهو فاسق، ومن وصفهم بالأنوثة فهو كافر؛ لتكذيبه قول الله تعالى: ﴿إِنَّ الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِالْآخِرَةِ لَيْسُمُؤْنِ الْمَلَائِكَةِ تَسْمِيَةَ الْأُنثَىٰ﴾^{٢٢}

قول الله تعالى: ﴿وَجَعَلُوا الْمَلَائِكَةَ الَّذِينَ هُمْ عِبَادُ الرَّحْمَنِ إِنَاثًا أَشْهَدُوا خَلْقَهُمْ سَتُكْتَبُ شَهَادَتُهُمْ وَيُسْأَلُونَ﴾^{٢٣}

٦. لم تتركب فيهم الشهوة، فلا تقع منهم معصية.

٧. هم جند الله ﷻ، قال تعالى: ﴿وَمَا يَعْلَمُ جُنُودَ رَبِّكَ إِلَّا هُوَ﴾^{٢٤}

حکم إنکار الملائكة :

دل على وجود الملائكة الكتاب والسنة والإجماع فمنكر وجودهم كافر.

^{٢١} سورة الذاريات : ٢٦ - ٢٨

^{٢٢} سورة النجم : ٢٧

^{٢٣} سورة الزخرف : ١٩

^{٢٤} سورة المدثر : ٣١

JIN DAN SYAITAN

Jin dan syaitan adalah alam ghaib yang tidak diketahui hakikat sebenar mereka kecuali Allah. Tentang kewujudannya telah dibuktikan oleh al Quran, Hadis dan sepakat ulama.

Jin dan syaitan adalah umat yang berakal yang mumayyiz (tahu baik dan buruk), diutuskan Rasulullah saw kepada mereka. Mereka diperintahkan beriman dengan Allah swt, mengesakanNya dan menyatakan pengabdian kepadaNya.

Pendapat ulama tentang penciptaan jin:

- 1- Jin adalah antara makhluk Allah swt, mereka berasal dari keturunan Iblis seperti manusia berasal dari keturunan nabi Adam a.s. Di antara mereka ini ada yang beriman dan kafir. Ini adalah pendapat al Hasan al Basri
- 2- Diriwayatkan daripada Ibnu 'Abbas bahawa keturunan Iblis adalah syaitan. Manakal jin adalah jenis yang lain, mereka adalah anak jin. Mereka seperti manusia sebahagiannya ada yang beriman dan ada yang kafir.

Pendapat pertama adalah lebih tepat.

Ini kerana Allah swt telah menyebut bahawa penciptaan jin adalah dari angin panas daripada api dan Allah swt juga menyatakan tentang iblis bahawa :
 “dia adalah berasal dari golongan jin, lalu dia menderhaka terhadap perintah Tuhannya”.

Allah swt menyebut “tentang kejadian syaitan) melalui lidah (ungkapan) syaitan:
 “Engkau (wahai Tuhan) jadikan daku dari api”.

الجن والشياطين

الجن والشياطين: عالم من العوالم الغيبية لا يعلم حقيقتهم إلا الله تعالى، دل على ثبوتهم الكتاب والسنة وإجماع العلماء.

والجن والشياطين أمة عاقلة مميزة أرسل إليهم رسول الله ﷺ، فهم مأمورون بالإيمان بالله - سبحانه وتعالى - وتوحيده، والإقرار بالعبودية له.

آراء العلماء في خلق الجن:

١- الجن من مخلوقات الله تناسلوا من إبليس، كما تناسل الإنس من آدم، ومن هؤلاء وهؤلاء المؤمن والكافر، وهذا رأي الحسن البصري رضي الله عنه،

٢- قد روي عن ابن عباس أن نسل إبليس هم الشياطين، أما الجن فهم جنس آخر فهم ولد الجن، وهم كالإنس منهم المؤمن ومنهم الكافر^{٢٥}

الرأي الأول أقرب إلى الصواب،

فقد ذكر الله سبحانه أنه خلق الجن من **مارج** من نار. وقال في حق إبليس إنه: ﴿كَانَ مِنْ الْجِنَّ فَفَسَقَ عَنْ أَمْرِ رَبِّهِ﴾^{٢٦}

وقال على لسانه: ﴿خَلَقْتَنِي مِنْ نَارٍ﴾^{٢٧}

^{٢٥} أخرجه الطبري في تفسيره بسند ضعيف.

^{٢٦} سورة الكهف : ٥٠

^{٢٧} سورة الأعراف : ١٢

Oleh itu jin adalah ciptaan Allah swt daripada api. Mereka berubah kepada jisim yang halus yang mampu menjelma mengikut apa yang diingini mereka juga mampu melihat kita namun kita tidak mampu melihat mereka, berdasarkan firman Allah swt: “Sesungguhnya Syaithan dan kaumnya melihat kamu dengan keadaan yang kamu tidak dapat melihat mereka. Sesungguhnya Kami telah menjadikan Syaithan-syaithan itu teman rapat bagi orang-orang yang tidak beriman”.

Dalil yang mengesahkan kewujudan jin:

* Kewujudan jin telah disabitkan oleh al Quran dan hadis.

Dinamakan satu surah lengkap dengan nama mereka. Allah swt menyebut di dalam surah ini : Golongan jin mendengar dakwah Islam, sebahagian mereka mendapat petunjuk dengan cahaya Islam. Firman Allah swt : *“Dan bahawa sesungguhnya (dengan datangnya Al-Quran, nyatalah) ada di antara kita golongan yang beragama Islam dan ada pula golongan yang (kufur derhaka dengan) menyeleweng dari jalan yang benar; maka sesiapa yang menurut Islam (dengan beriman dan taat), maka merekalah golongan yang bersungguh-sungguh mencari dan menurut jalan yang benar (14) Adapun orang-orang yang menyeleweng dari jalan yang benar, maka mereka menjadi bahan bakaran bagi Neraka Jahanam (15)”*.

* Golongan jin mendengar al Quran, Firman Allah swt : *“Dan (ingatkanlah peristiwa) semasa Kami menghalakan satu rombongan jin datang kepadamu (wahai Muhammad) untuk mendengar Al-Quran; setelah mereka menghadiri bacaannya, berkatalah (setengahnya kepada yang lain): Diamlah kamu dengan sebulat-bulat ingatan untuk mendengarnya! Kemudian setelah selesai bacaan itu, kembalilah mereka kepada kaumnya (menyiarkan ajaran Al-Quran itu dengan) memberi peringatan dan amaran”*.

* Allah swt mengarahkan mereka bersama manusia seperti firman Allah swt : *“Wahai sekalian jin dan manusia! Kalau kamu dapat menembus keluar dari kawasan-kawasan langit dan bumi (untuk melarikan diri dari kekuasaan dan balasan Kami), maka cubalah kamu menembus keluar. Kamu tidak akan menembus keluar melainkan dengan satu kekuasaan (yang mengatasi kekuasaan Kami; masakan dapat)! [33] Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan? [34]”*.

Firman Allah swt kepada golongan kafir pada hari kiamat: *“Wahai sekalian jin dan manusia! Bukankah telah datang kepada kamu Rasul-rasul dari kalangan kamu sendiri, yang menyampaikan kepada kamu ayat-ayatKu (perintah-perintahKu)”*.

فالجن إذن مخلوقون من النار، وقد تحولوا إلى أجسام شفافة تستطيع التشكل بما تريد، وفيهم القدرة على رؤيتنا وليس فينا القدرة على رؤيتهم، بقوله سبحانه : ﴿إِنَّهُ يَرَاكُمْ هُوَ وَقَبِيلُهُ مِنْ حَيْثُ لَا تَرَوْنَهُمْ إِنَّا جَعَلْنَا الشَّيَاطِينَ أَوْلِيَاءَ لِلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ﴾^{٢٨}

Dalil Thabot al-Jinn:

– قد ثبت وجود الجن بالقرآن والسنة،

وسميت سورة كاملة باسمهم، ذكر فيها سبحانه استماع الجن إلى دعوة الإسلام، واهتداء فريق منهم بذلك النور: قال تعالى: ﴿وَأَنَّا مِنَّا الْمُسْلِمُونَ وَمِنَّا الْقَاسِطُونَ فَمَنْ أَسْلَمَ فَأُولَئِكَ تَحَرُّوا رَشَدًا (١٤) وَأَمَّا الْقَاسِطُونَ فَكَانُوا لِجَهَنَّمَ حَطَبًا (١٥)﴾^{٢٩}

* كان الجن يستمعون إلى القرآن كما يقول سبحانه: ﴿وَإِذْ صَرَفْنَا إِلَيْكَ نَفَرًا مِنَ الْجِنَّ يَسْتَمِعُونَ الْقُرْآنَ فَلَمَّا حَضَرُوهُ قَالُوا أَنْصِتُوا فَلَمَّا قُضِيَ وَلَّوْا إِلَى قَوْمِهِمْ مُنْذِرِينَ﴾^{٣٠}

* قد خاطبهم الله مع الإنس حيث يقول: ﴿يَمَعْشَرِ الْجِنَّ وَالْإِنْسِ إِنِ اسْتَطَعْتُمْ أَنْ تَنْفُذُوا مِنْ أَقْطَارِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ فَانفُذُوا لَا تَنْفُذُونَ إِلَّا بِسُلْطَانٍ (٣٣) فَيَأْتِي آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ (٣٣)﴾^{٣١}

* يقول – سبحانه – لكافريهم يوم القيامة مقيما عليهم العجة: ﴿يَمَعْشَرِ الْجِنَّ وَالْإِنْسِ أَلَمْ يَأْتِكُمْ رُسُلٌ مِنْكُمْ يُفَصِّحُونَ عَلَيْكُمْ ءَايَاتِي﴾^{٣٢}

^{٢٨} سورة الأعراف : ٢٧

^{٢٩} سورة الجن : ١٤ - ١٥

^{٣٠} سورة الأحقاف : ٢٩

^{٣١} سورة الرحمن : ٣٣ - ٣٤

^{٣٢} سورة الأنعام : ١٣٠

Sekumpulan ulama kalam (ilmu tauhid) **menafikan kewujudan jin**. Mereka mengubah ayat-ayat berkaitan jin dan mengatakan : Yang dimaksudkan dengan jin dan syaitan itu ialah orang kafir di kalangan manusia.

Pendapat ini adalah **menyeleweng dari kebenaran**, kerana al Quran dengan jelas menyebut kewujudan alam jin ini dan diberi tanggungjawab seperti manusia.

Dalil daripada hadis begitu banyak berkaitan perkara ini:

Nabi saw telah bertemu mereka dan menyampaikan dakwah kepada mereka. Golongan jin mendengar al Quran dan beriman kepadanya, Nabi saw memuji mereka ketika membaca surah ar Rahman kepada orang ramai dan mereka diam. Nabi saw berkata: Sesungguhnya golongan jin lebih baik daripada kamu, apabila aku membaca ayat

(فبأي آلاء ربكما تكذبان) *Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan (wahai umat manusia dan jin)?*

- mereka berkata: Tidak ada sedikitpun daripa nikmat-nikmat tuhan kami akan dustakan, puji-pujian untuk Engkau ya Tuhan kami”.

SYAITAN

Syaitan adalah golongan jin yang derhaka dan tentera iblis. Peranan mereka adalah menghiaskan kejahatan kepada manusia dan jin, menjauhkan mereka daripada kebaikan. Nabi saw menyebut tentang golongan ini: “Sesungguhnya syaitan bergerak dalam tubuh anak Adam melalui saluran darah”.

- Dalil mereka juga diberi tanggungjawab iaitu firman Allah swt: “*Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu*”.

dan firmanNya lagi: “*Wahai sekalian jin dan manusia! Bukankah telah datang kepada kamu Rasul-rasul dari kalangan kamu sendiri, yang menyampaikan kepada kamu ayat-ayatKu (perintah-perintahKu)*”.

– قد أنكروا وجود الجن جماعة من المتكلمين؛ وصرفوا الآيات عن ظاهرها، وقالوا: إن المقصود بالجن والشياطين أولئك الكفرة من الإنس،

● هذا قول بعيد عن الحق، فالقرآن صريح في وجود هذا العالم – الجن – وتكليفه كالإنس.

* والسنة كذلك مليئة بهذا المعنى:

قد قابلهم عليه السلام وبلغهم الدعوة، واستمعوا إلى القرآن وآمنوا به. وقد أتني عليهم ﷺ لما قرأ سورة «الرحمن» على الناس وسكتوا فقال: إن الجن كانوا أحسن منكم، ما قرأت عليهم: (فبأي آلاء ربكما تكذبان) إلا قالوا: ولا بشيء من آلاء ربنا نكذب فلك الحمد»^{٣٣}

الشياطين

الشياطين هم عصاة الجن و جنود إبليس، مهمتهم تزيين الشر للإنس والجن، وإبعادهم عن الجادة،

– وفيهم يقول ﷺ: "إن الشيطان يجري من ابن آدم مجرى الدم"^{٣٤}،

– وبدل على تكليفهم قوله سبحانه: ﴿وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ﴾^{٣٥}

وقوله: ﴿يَمَعَشَرِ الْجِنَّ وَالْإِنْسِ أَلَمْ يَأْتِكُمْ رُسُلٌ مِنْكُمْ يُفَصِّونَ عَلَيْكُمْ عَائِيَّتِي﴾^{٣٦}

^{٣٣} أخرجه الترمذي

^{٣٤} متفق عليه

^{٣٥} سورة الذاريات : ٥٦

^{٣٦} سورة الأنعام : ١٣٠

Ulama berbeza pendapat tentang hakikat jin dan syaitan ini kepada dua pendapat:

Pertama : jin dan syaitan, hakikat kedua-duanya berbeza.

- Jin adalah jisim berbentuk angin lembut yang mampu menjelma dalam pelbagai bentuk. Lahir daripadanya perbuatan yang aneh, sebahagian mereka beriman lagi taat dan sebahagian lain kafir lagi derhaka.
- Syaitan adalah jisim daripada api, tugasnya adalah menjadikan diri seseorang terjerumus dalam hawa nafsu dan kesesatan.

Kedua: Jin dan syaitan, hakikat kedua-duanya adalah satu iaitu jisim daripada api yang berakal dan boleh menjelma dalam bentuk baik atau buruk.

- kecuali jin itu merangkumi yang taat dan yang derhaka.
- syaitan pula adalah nama bagi yang derhaka dan melampaui batas.

Kesimpulannya:

Kewujudan jin dan syaitan adalah sabit di dalam al Quran dan hadis.

- Mereka dicipta daripada api dan hakikat kedua-duanya adalah sama.
- setiap manusia ada teman daripada malaikat dan teman daripada syaitan
- teman daripada malaikat akan menyuruhnya dengan kebaikan dan menggalakkannya melakukan perkara tersebut.
- teman daripada jin akan menyuruhnya dengan kejahatan dan menggalakkannya melakukan perkara tersebut

افترق العلماء في حقيقة الجن والشياطين إلى قولين:

الأول: أن الجن والشياطين حقيقتهما متغايرة،

- فالجن أجسام هوائية لطيفة تتشكل بأشكال مختلفة وتظهر منها أفعال عجيبة منهم المؤمن المطيع ومنهم الكافر العاصي،
- أما الشياطين فهي أجسام نارية، مهمتها إلقاء النفس في الغواية والضلال.

الثاني: أن الجن والشياطين حقيقتهما واحدة وهي أجسام نارية عاقلة قابلة للتشكل بأشكال حسنة أو قبيحة،

- غير أن الجن يشمل المطيع والعاصي،
- أما الشيطان، فهو اسم العاصي المتمرد.

الحاصل: أن وجود الجن والشياطين أمر ثابت بالقرآن والسنة،

- وأنهم خلقوا من نار، وأن حقيقتهما واحدة،
- وأن لكل إنسان قرينا من الملائكة، وقرينا من الشياطين،
- وقرينه من الملائكة يأمره بالخير ويحثه عليه،
- وقرينه من الجن يأمره بالشر ويحثه عليه.

KEMATIAN

Beriman dengan kematian:

Berlakunya kematian adalah realiti yang boleh dirasai dan bukannya daripada perkara ghaib.

Soalan: Bagaimana wajib beriman dengan kematian?

Jawapan: Beriman dengan kematian yang dikenakan ke atas kita pada syarak berdasarkan dua bentuk:

Pertama: Kita beriman bahawa setiap makhluk akan binasa dan tidak kekal kecuali Allah swt sahaja.

Firman Allah swt: *“Segala yang ada di muka bumi itu akan binasa (26) Dan akan kekalah Zat Tuhanmu yang mempunyai Kebesaran dan Kemuliaan (27)”*

- Golongan yang menentang perkara ini ialah golongan *Dahriyyun* (Ateis) yang tidak beriman dengan Allah swt dan hari akhirat. Mereka berkata: Dunia ini hanyalah lebih baik untuk diluahkan atau lebih sesuai untuk ditelan”.

Kedua: Sebab kematian adalah berakhirnya ajal (tempoh masa) yang telah ditetapkan oleh Allah swt kepada kita.

- Golongan yang menentang perkara ini ialah golongan *Tabi'iyun* (aliran natural) yang menisbahkan setiap sesuatu kepada alam semulajadi. Mereka mentafsirkan kematian itu disebabkan kecacatan sistem alam semulajadi.

Allah swt telah memberitahu kepada kita bahawa kematian itu akan datang apabila berakhirnya ajal yang tercatat dalam ilmu Allah swt:

FirmanNya: *“apabila sampai ajal maut kepada salah seorang di antara kamu, lalu diambil (nyawanya) oleh utusan-utusan Kami (malaikat); sedang mereka pula (malaikat itu) tidak cuai (dalam menjalankan tugasnya)”*.

الموت ③

الإيمان بالموت :

وقوع الموت حقيقة مشاهدة ملموسة وليس من الغيبات في شيء-

س- كيف يجب الإيمان بالموت؟

ج- الإيمان بالموت الذي كلفنا به شرعا على وجهين:

الأول: أن نؤمن أن كل الخلق إلى فناء، ولا يبقى إلا الله تعالى،

قال سبحانه: ﴿كُلُّ مَنْ عَلَيْهَا فَانٍ (٢٦) وَيَبْقَى وَجْهَ رَبِّكَ ذُو الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ (٢٧)﴾^{٢٧}

- المخالفون في هذا هم الدهرية الذين لا يؤمنون بالله واليوم الآخر، ويقولون: "إن هي إلا أرحم تدفع، وأرضى تبلع".

الثاني: أن سبب الموت هو انتهاء آجالنا التي قدرها الله تعالى لنا.

- المخالفون في ذلك هم الطبيعيون الذين ينسبون الأشياء للطبيعة، فيفسرون الموت على أنه بسبب اختلال نظام الطبيعة.

والله تعال أخبرنا أن الموت يأتي إذا انتهى الأجل المكتوب في علم الله السابق،

قال تعالى: ﴿فَإِذَا جَاءَ أَجْلُهُمْ لَا يَسْتَأْخِرُونَ سَاعَةً وَلَا يَسْتَقْدِمُونَ﴾^{٢٨}

^{٢٧} سورة الرحمن : ٢٦ - ٢٧
^{٢٨} سورة النحل : ٦١

Kematian itu melalui malikat yang ditugaskan mengeluarkan roh daripada jasad Firman Allah swt: “Katakanlah (wahai Muhammad); Nyawa kamu akan diambil oleh Malikil Maut yang ditugaskan berbuat demikian ketika habis ajal kamu, kemudian kamu akan dikembalikan kepada Tuhan kamu (untuk menerima balasan)”.

Firman Allah swt lagi: “sehingga apabila sampai ajal maut kepada salah seorang di antara kamu, lalu diambil (nyawanya) oleh utusan-utusan Kami (malaikat); sedang mereka pula (malaikat itu) tidak cuai (dalam menjalankan tugasnya)”.

Kematian adalah sunnatullah pada makhluknya yang tidak akan terlepas dari sesiapaupun. Firman Allah swt: “Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) akan mati dan sesungguhnya mereka juga akan mati”.

Firman Allah swt: “Dan Kami tidak menjadikan seseorang manusia sebelummu dapat hidup kekal (di dunia ini). Maka kalau engkau meninggal dunia (wahai Muhammad), adakah mereka akan hidup selama-lamanya? (34) Tiap-tiap diri akan merasai mati dan Kami menguji kamu dengan kesusahan dan kesenangan sebagai cubaan dan kepada Kami kamu semua akan dikembalikan. (35)”.

Kematian inilah adalah hakikat sebenar yang dirasai dan berlaku dalam kehidupan manusia.

Hukum mengingkari kematian:

Orang yang mengingkari kematian dalam bentuk syarak tersebut adalah kafir, kerana ia mengingkari perkara yang telah diputuskan kewujudannya dalam al Quran dan hadis.

Kejadian manusia:

Manusia terdiri daripada roh dan jasad. Jasad adalah sebahagian daripada alam realiti, ianya tertakluk kepada pengetahuan manusia untuk mengetahuinya, menjaga dan melindunginya daripada penyakit dan mengubatinya apabila ditimpa dengan apa-apa penyakit.

وَأَن الْمَوْتِ يَكُونُ عَنْ طَرِيقِ الْمَلَائِكَةِ الَّتِي تَتَوَلَّى إِخْرَاجَ الرُّوحِ مِنَ الْجَسَدِ،
قَالَ تَعَالَى: ﴿قُلْ يَتَوَقَّأَكُم مَّلَكُ الْمَوْتِ الَّذِي وُكِّلَ بِكُمْ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّكُمْ تُرْجَعُونَ﴾^{٣٩}

وقال تعالى: ﴿حَتَّىٰ إِذَا جَاءَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ تَوَفَّقْتَهُ رُسُلُنَا وَهُمْ لَا يُفْرِطُونَ﴾^{٤٠}

وَأَنَّ الْمَوْتَ سَنَةِ اللَّهِ فِي خَلْقِهِ لَا تَتَخَلَّفُ عَنْ أَحَدٍ، قَالَ تَعَالَى: ﴿إِنَّكَ مَيِّتٌ وَإِنَّهُمْ مَيِّتُونَ﴾^{٤١}

وقال تعالى: ﴿وَمَا جَعَلْنَا لِبَشَرٍ مِنْ قَبْلِكَ الْخُلْدَ أَفَإِنْ مِتَّ فَهُمُ الْخَالِدُونَ﴾ (٣٤) كُلُّ نَفْسٍ
ذَائِقَةُ الْمَوْتِ وَنَبَلُّوكُم بِالشَّرِّ وَالْحَيْرِ فِتْنَةً وَإِلَيْنَا تُرْجَعُونَ﴾^{٤٢} (٣٥)

– والموت بهذا حقيقة مشاهدة محسوسة واقعة في حياة الناس-

حکم منکر الموت:

منکر الموت بهذه الصورة الشرعية المذكورة كافر؛ لأنه ينكر ما هو مقطوع بثبوته في القرآن والسنة.

تكوين الإنسان:

الإنسان مكون من روح وجسد، والجسد من عالم الشهادة، يخضع للمعرفة الإنسانية في إدراكه، وفي الحفاظ عليه ووقايته من الأمراض، وعلاجه إذا تعرض لمرض.

^{٣٩} سورة السجدة: ١١

^{٤٠} سورة الأنعام: ٦١

^{٤١} سورة الزمر: ٣٠

^{٤٢} سورة الأنبياء: ٣٤ - ٣٥

AJAL ORANG YANG DIBUNUH

Pendahuluan

Wajib beriman bahawa manusia dan semua kehidupan, jin dan malaikat tidak akan mati sehinggalah cukup tempoh masanya yang telah ditentukan oleh Allah untuknya, sama ada ia mati kerana sampai ajalnya atau mati terbunuh dengan apa-apa punca daripada bentuk pembunuhan seperti seseorang yang dibunuh oleh orang lain.

Orang yang terbunuh dan penjelasan perbezaan pendapat tentang ajalnya:

Pertama: Mazhab Ahli Sunnah – bagi setiap manusia ada satu ajal sahaja, tidak dilewatkan dan tidak juga diawalkan. Orang yang dibunuh itu mati dengan ajalnya yang telah ditetapkan oleh Allah swt untuknya.

Firman Allah swt: *“Bagi tiap-tiap umat ada tempoh yang ditetapkan; maka apabila tempohnya tiba, tidak dapat mereka melambatkannya sesaatpun dan tidak dapat mereka menyegerakannya”*.

Ayat ini merangkumi umat manusia dan lainnya.

Firman Allah swt: *“Dan tidak seekor pun binatang yang melata di bumi dan tidak seekor pun burung yang terbang dengan kedua sayapnya, melainkan mereka umat-umat seperti kamu”*.

Daripada Anas bin Malik r.a, bahawa Rasulullah saw bersabda: *“Sesungguhnya Roh al Qudus (Jibril a.s) membisikkan di hatiku bahawa seseorang itu tidak akan mati sehingga disempurnakan rezeki dan ajalnya”*.

Orang yang tidak mati disebabkan pembunuhan maka ia akan mati pada tempoh yang telah ditetapkan oleh Allah swt untuknya. Kematianya disebabkan pembunuhan bererti umur yang ditetapkan untuknya itu telah berakhir.

(4) أجل المقتول

تمهيد

يجب الإيمان بأن الإنسان وسائر الحيوانات والجن والملائكة لا يموت أحد منهم حتى يتم أجله الذي قدره الله له سواء مات حتف أنفه أم مات مقتولا بأي سبب من أسباب القتل كمن يقتله غيره

المقتول وبيان الخلاف في أجله:

أولاً: مذهب أهل السنة أن للإنسان أجلاً واحداً، لا يتأخر عنه ولا يتقدم، فالمقتول مات بأجله الذي حدده الله له،

قال الله تعالى: ﴿لِكُلِّ أُمَّةٍ أَجَلٌ إِذَا جَاءَ أَجْلُهُمْ فَلَا يَسْتَأْخِرُونَ سَاعَةً وَلَا يَسْتَقْدِمُونَ﴾^{٤٣}

والاية تشمل الأمة الإنسانية وغيرها،

قال تعالى: ﴿وَمَا مِنْ دَابَّةٍ فِي الْأَرْضِ وَلَا طَائِرٍ يَطِيرُ بِجَنَاحَيْهِ إِلَّا أُمَّةٌ أُمَّتَالِكُمْ﴾^{٤٤}

وعن أنس بن مالك رضي الله عنه أن رسول الله ﷺ قال: "إن روح القدس نفث في روعي أنه لن تموت نفس حتى تستكمل رزقها وأجلها"^{٤٥}

فمن لم يموت بسبب القتل فإنه سيموت في الأجل الذي حدده الله له. فموته بالقتل معناه أن عمره المحدد له قد انتهى.

^{٤٣} سورة يونس : ٤٩

^{٤٤} سورة الأنعام : ٣٨

^{٤٥} أخرجه البزار في مسنده وصححه ابن حبان والحاكم

Balasan orang yang membunuh terhadap perbuatan dan usahanya serta ia menyalahi perintah Allah swt supaya menjaga nyawa dan tidak melanggarnya. Perkara inididak bertentangan dengan sabda Rasulullah saw: *“Barangsiapa yang suka supaya Allah swt melapangkan rezeki untuknya dan dipanjangkan umurnya maka hendaklah ia menyambung hubungan kekeluarganya”*.

Hadis ini dapat diandaikan kepada salah satu daripada dua perkara berikut:

- 1- Maksud (يُمد في أجله) **dipanjang umur ialah keberkatan umurnya**, di mana ia akan melakukan amalan soleh dengan banyak yang tidak mampu dilakukan oleh orang lain untuk melakukannya dalam waktu yang lama.
- 2- **Penambahan** yang disebut di dalam hadis adalah tentang apa yang ada di dalam kitab catatan malaikat. Allah swt gantungkan **pertambahan umur dalam melakukan ketaatan** sebagai menyatakan keadaan perkara tersebut, sedangkan Allah swt mengetahui hambanya itu akan menyambung hubungan kekeluargaan atau tidak menyambunginya. Sudah tentunya ilmu Allah swt itu pasti terjadi. Firman Allah swt: *“Allah menghapuskan apa jua yang dikehendakiNya dan Dia juga menetapkan apa jua yang dikehendakinya dan (ingatlah) pada sisiNya ada "Ibu segala suratan"”*.

Pendapat kedua: Mazhab Muktaizilah

Mengikut Muktaizilah tentang ajal orang yang dibunuh terdapat tiga pendapat:

Pendapat pertama – oleh al Ka’bi dari kalangan Muktaizilah mengatakan : Pembunuhan itu perbuatan orang yang membunuh dan kematian itu perbuatan Allah swt. Orang yang dibunuh bukanlah mati. Hujah bagi pendapatnya ialah firman Allah swt: *“Demi sesungguhnya! Jika kamu mati atau terbunuh, sudah tentu kepada Allah jualah kamu akan dihimpunkan (untuk menerima balasan)”*.

Bentuk penghujahan bagi beliau ialah dihubungkan “pembunuhan” dengan “kematian”.

(أَوْ) Kata hubung ini memberi maksud ianya berbeza – yang menunjukkan orang yang dibunuh tidak mati dan di sana terdapat dua ajal : ajal bunuh dan ajal mati, sekiranya tidak dibunuh orang yang terbunuh itu nescaya ia akan hidup sehingga ajal matinya.

وعقوبة القاتل على فعله وكسبه، و مخالفته لأمر الله تعالى في صيانة النفس، وعدم التعدي عليها. ولا يعارض هذا قول رسول الله ﷺ: "من سره أن يعظم الله رزقه، وأن يمد في أجله فليصل رحمه".^{٤٦}

هذا محمول على واحد من أمرين:

١. أن يكون المراد بالمد في العمر البركة فيه؛ حيث يعمل فيه من الأعمال الصالحة الكبيرة العظيمة التي لا يستطيع غيره أن يعملها في أوقات طويلة.

٢. أن الزيادة الواردة في الحديث بالنسبة لما جاء في صحف الملائكة، وقد يعلق الله

تعالى الزيادة في العمر على الطاعة إظهاراً لشأنها، وهو سبحانه يعلم أن العبد

سيصل رحمه، أو لا يصلها، ولا بد لعلمه تعالى أن يتحقق،

قال الله تعالى: ﴿يَمْحُوا اللَّهُ مَا يَشَاءُ وَيُثَبِّتُ وَعِنْدَهُ أُمُّ الْكِتَابِ﴾^{٤٧}

ثانياً: مذهب المعتزلة

للمعتزلة في أجل المقتول ثلاثة أقوال :

القول الأول للكعبى من المعتزلة: وهو أن القتل فعل العبد القاتل، والموت فعل الله، فالمقتول

ليس ميتاً واستدل على رأيه بقول الله تعالى: ﴿وَلَيْنِ مُتُّمْ أَوْ قُتِلْتُمْ لَلِإِلَهِ تُحْشَرُونَ﴾^{٤٨}

ووجه الاستدلال عنده عطف القتل على الموت، والعطف يقتضي المغايرة، ما يدل على أن

المقتول لم يموت، وأن هناك أجلين: أجل القتل وأجل الموت، فلو لم يقتل المقتول لعاش إلى

أجل موته.

^{٤٦} متفق عليه

^{٤٧} سورة الرعد : ٣٩

^{٤٨} سورة آل عمران : ١٥٨

Jawapan kepada pendapat di atas : Maksud ayat (وَلَيْسَ مُتُّمًّا) ialah mati tanpa sebab (telah sampai ajalnya) dan (أَوْ قُتِلْتُمْ) ianya terjadi dengan sebab tertentu.

Pendapat kedua: Bagi kebanyakan golongan Muktaizilah – bagi orang yang dibunuh itu adalah satu ajal sahaja iaitu ajal mati. Orang yang membunuh telah memutuskan ajal orang yang terbunuh. sekiranya tidak dibunuh orang yang terbunuh itu nescaya ia akan hidup sehingga ajal yang telah ditetapkan oleh Allah untuknya.

Pendapat ketiga: bagi Abu Huzail al 'Alaf iaitu salah seorang pemimpin Muktaizilah: bagi orang yang dibunuh itu adalah satu ajal sahaja iaitu waktu ia dibunuh. Sekiranya ia tidak dibunuh maka ia akan tetap juga mati pada waktu tersebut (waktu ia dibunuh).
- Pendapat ini menepati pendapat Ahli Sunnah.

الإجابة:

ويجاب على هذا بأن معنى الآية: (وَلَيْسَ مُتُّمًّا) من غير سبب، (أَوْ قُتِلْتُمْ) بأن متم بسبب.

القول الثاني: لجمهور المعتزلة: وهو أن للمقتول أجلا واحدا، وهو أجل الموت، والقاتل قطع على المقتول أجله، فلو لم يقتله لعاش إلى أجله الذي حدده الله له.

القول الثالث: لأبي الهذيل العلاف، أحد أئمتهم – وهو أن المقتول له أجل واحد وهو الوقت الذي قتل فيه، فلو لم يقتل لمات في الوقت الذي قتل فيه،
- وهو في هذا يوافق أهل السنة.

المناقشة:

١. ما معني الإيمان بالموت؟، وما حكم الإيمان به؟.
٢. ما حكم منكر الموت؟ وما الدليل على فناء الخلق وبقاء الخالق؟
٣. للإنسان أجل واحد عند أهل السنة، فما رأي المعتزلة في ذلك؟.
٤. كيف تفسر طول العمر في قول النبي ﷺ في الحديث [من سره أن يعظم الله رزقه وأن يمد في أجله فليصل رحمه]؟